

Manfaatkan pemilikan harta intelek

UTUSAN MALAYSIA

20/7/2017 p. 4

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 Julai - Rakyat khususnya golongan usahawan wajar memanfaatkan pemilikan harta intelek melalui kaedah yang sah di sisi undang-undang.

Peringatan itu disuarakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang menegaskan perkara itu penting bagi melindungi hak eksklusif pemilik harta intelek dalam mengembangkan perniagaan mereka.

Katanya, langkah itu akan mampu memastikan negara dapat terus bersaing dalam ekonomi global yang semakin kompetitif dan mencabar.

Bagi terus memperkasakan hak harta intelek sebagai sumber kekayaan baharu dalam menjana pendapatan, beliau memberitahu, kerajaan telah memberi sokongan padu kepada Inisiatif Penilaian Harta Intelek dengan menterjemahkan harta intelek yang merupakan aset tidak ketara, kepada bentuk nilai wang ringgit.

Menurutnya, demi memastikan kelangsungan momentum kejayaan inisiatif itu, pihak kerajaan sentiasa memperluaskan kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian dan agensi lain.

"Dalam hubungan ini, satu memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada April lalu.

"Selain itu, MyIPO juga mendatangkan MoU dengan Kementerian Sains, Teknologi dan



JAMIL SALLEH (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah Kategori Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik) kepada Universiti Putra Malaysia yang diwakili oleh Prof. Dr Suhaila Mohamed pada Majlis Anugerah Harta Intelek Negara sempena Hari Harta Intelek Negara di Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/HALIM KHALID



HAMZAH ZAINUDIN

Inovasi sebagai usaha membantu pengkomersialan harta intelek tempatan.

"Saya percaya jalinan kerjasama secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sebegini membolehkan kita terus melaksanakan

program yang memberi manfaat kepada rakyat dalam memperkasakan ekosistem inovasi negara dengan lebih efektif," katanya pada majlis Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2017 kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh.

Yang turut hadir Pengurus MyIPO, Datuk Seri Abdul Manan Ismail dan Ketua Pengarah MyIPO, Datuk Shamsiah Kamaruddin.

AHIN mula diperkenalkan



ANUGERAH
HARTA INTELEK
NEGARA 2017



oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh.

Katanya, universiti merupakan antara penyumbang utama pemfailan paten di negara ini iaitu 34 peratus daripada 1,219 paten tempatan pada 2016.

"Bagi membangunkan keparisan harta intelek di universiti

pada 2006 bersempena sambutan Hari Harta Intelek Negara yang bertujuan memberi pengiktirafan kepada perekacipta atau pencipta atas sumbangan harta intelek dalam pembangunan sioeconomik negara.

Menurut Hamzah, pengkomersialan harta intelek merupakan aspek penting dalam ekosistemnya bagi memastikan pemilik dapat menjana pulangan daripada pelaburan yang dikeluaran untuk penyelidikan serta pembangunan (R&D) sesuatu produk.

Beliau memberitahu, universiti juga giat menjalankan aktiviti R&D yang berjaya menghasilkan pelbagai produk inovasi.

Katanya, universiti merupakan antara penyumbang utama pemfailan paten di negara ini iaitu 34 peratus daripada 1,219 paten tempatan pada 2016.

"Bagi membangunkan keparisan harta intelek di universiti

dan institusi penyelidikan tempatan, MyIPO dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) akan melaksanakan projek *Enabling IP Environment* yang memberi penekanan kepada pengkomersialan teknologi baru.

"Justeru itu, kerajaan akan terus komited memperkuatkan sistem harta intelek dengan mengambil kira keperluan universiti dan institusi penyelidikan dalam melaksanakan projek *Enabling IP Environment*," jelas beliau.

Dalam pada itu, menurut Hamzah, sehingga Jun 2017, MyIPO telah menerima sebanyak 9,918 permohonan tempatan iaitu 42 peratus daripada keseluruhan 23,403 permohonan harta intelek.

"Besarlah harapan saya untuk melihat supaya angka permohonan harta intelek ini dapat ditingkatkan lagi menjelang akhir tahun ini selaras dengan aktiviti promosi dan khidmat nasihat yang giat dijalankan MyIPO," ujar beliau.

Senarai Pemenang

Anugerah Harta Intelek Negara 2017

KATEGORI ORGANISASI (PENGURUSAN HARTA INTELEK TERBAIK)

Emas: Universiti Putra Malaysia (UPM)

Perak: Universiti Malaya (UM)

Gangsa: Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

KATEGORI PATEN

Emas: UPM

Perak: UTM

Gangsa: Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan Malaysia

KATEGORI CAP DAGANGAN DAN PETUNJUK GEOGRAFI

Emas: Al Baghdadi Group Sdn. Bhd.

Perak: Pitaberry Sdn. Bhd.

Gangsa: Sarawak Information Technology and Resources Council

KATEGORI REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Emas: Hospital Tengku Anis, Pasir Putih, Kelantan

Perak: Meas-Tech Solutions Sdn. Bhd.

Gangsa: Pusat Latihan Perindustrian dan MIMOS Berhad

KATEGORI PEREKACIPTA HARTA INTELEK (PELAJAR INSTITUSI KEMAHIRAN DAN SETARAF)

Emas: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor

Perak: Institut Kemahiran Tinggi Belia Kuala Perlis, Perlis

Gangsa: Kolej Vokasional Keningau, Sabah

KATEGORI HAK CIPTA

Emas: Digital Durian Animation Studio Sdn. Bhd.

Perak: Majlis Bandaraya Ipoh

Gangsa: Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza)

KATEGORI PEREKACIPTA MUDA HARTA INTELEK (PELAJAR SEKOLAH MENENGAH)

Emas: Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Jeli, Kelantan

Perak: Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya

Gangsa: Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hua Sibu, Sarawak

ANUGERAH KHAS MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN

Utama: Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh, Perak

ANUGERAH KHAS INOVASI ANTARABANGSA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Utama: Sekolah Menengah Sains Tengku Abdullah, Pahang

ANUGERAH KHAS HARTA INTELEK SEKTOR KOPERASI

Emas: Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (Kopetro)

Perak: Koperasi Tenaga Nasional Berhad

Gangsa: Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad